

Aab

Mahathir - Proton

SHAH ALAM, 16 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Malaysia telah membuat pilihan yang tepat kerana berani memulakan industri kereta tanpa menyediakan industri sokongan terlebih dahulu.

Sebagai bukti, katanya, dalam jangka masa lima tahun komponen kereta buatan Malaysia untuk kereta Proton telah meningkat daripada 18 peratus kepada lebih 70 peratus hasil pertumbuhan industri sokongan.

Sebelum ini ramai yang mendakwa bahawa industri kereta tidak boleh diwujudkan tanpa industri sokongan, kata beliau.

Perdana Menteri berkata bahawa ini merupakan +kes klasik mengenai yang mana dahulu, ayam atau telur,+ dan menambah: +Kita pilih ayam dahulu dan pilihan kita adalah tepat...+

Beliau berkata demikian ketika melancarkan kereta Proton Saga yang ke-300,000 unit dan pembukaan Kilang Pemasangan Enjin dan Transmisi Proton di sini hari ini.

+Bertentangan dengan hujah yang diutarakan oleh pengkritik dahulu, kereta nasional Malaysia sekarang telah mencapai kejayaan yang membanggakan,+ katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata kejayaan itu juga membuktikan bahawa dasar kerajaan untuk mengadakan industri berat adalah tepat seperti yang ternyata dalam industri-industri berat lain yang diterokai oleh Malaysia. -- Lagi.

♥16/07/11-25MST

Bah

Mahathir - Proton 2 Shah Alam

Bagaimanapun Perdana Menteri berkata hampir semua projek industri berat gagal pada peringkat awal kerana apa juga perniagaan biasanya rugi pada tahun-tahun awalan dan hanya mencapai kejayaan apabila semua kelemahan dapat dipastikan dan usaha diambil mengatasinya.

Keadaan yang serupa berlaku kepada Proton, katanya, sambil menambah bahawa kereta nasional dikeluarkan ketika negara mengalami kemerosotan ekonomi yang teruk akibat kemelesetan sedunia.

Beliau bangga kerana usaha Proton menggalakkan pelaburan asing, terutama melalui usahsamanya untuk meningkatkan kandungan tempatan, telah mencapai kejayaan.

+Tetapi, yang lebih penting lagi ialah penglibatan para pelabur asing kerana ini akan membawa kesan kepada kita semua daripada segi pengalihan teknologi yang perlu dari negara maju ke Malaysia,+ katanya.

Menurut Perdana Menteri usaha itu perlu bagi membolehkan Malaysia mencapai tahap daya saing yang tinggi dalam industri pembuatan bukan sahaja untuk menampung keperluan tempatan tetapi juga persaingan yang kuat di pasaran luar untuk memenuhi objektif wawasan 2020. -- Lagi.

♥16/07/14-08MST

Bah

Mahathir - Proton 3 Shah Alam

Langkah ini juga, kata beliau, akan membolehkan Malaysia lebih bersedia memasuki pasaran antarabangsa serta mampu bersaing dengan pengusaha ternama lain.

Proton terpaksa memperkembangkan usaha pemasaran ke luar negara kerana +pasaran domestik yang kecil dengan pendapatan per kapita yang rendah tidak mungkin menjadi jentera pertumbuhan yang mencukupi jika kita ingin menjadi negara maju menjelang tahun 2020,+ kata Perdana Menteri.

Beliau berkata syarikat tempatan yang ingin meningkatkan lagi daya saingan mereka perlu menerokai bidang teknologi tinggi serta menggalakkan pengeluaran barangan yang mempunyai nilai ditambah dengan memberikan penekanan kepada penyelidikan dan pembangunan.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata industri automotif juga perlu berupaya bertindak segera bagi memenuhi kehendak dan cita rasa pelanggan berdasarkan perubahan semasa yang memerlukan penekanan tinggi terhadap rekaan yang inovatif, mutu pengeluaran yang mampu bersaing dan strategi pemasaran lebih agresif.

Selepas itu, kata beliau, langkah-langkah perlu diambil untuk meneroka pasaran baru di samping berusaha dengan lebih gigih bagi mengatasi tindakan negara maju dan sedang membangun untuk mempertahankan industri masing-masing. -- Lagi.

♥16/07/14-09MST

CNS3015

R GB 16-07 00066 BA606

Bah

Mahathir - Proton 4 Shah Alam

Perdana Menteri berkata kerajaan akan terus membantu menerusi pelbagai lawatan rombongan perdagangan, perjanjian perdagangan dua hala dan membuka peluang perdagangan lebih luas.

Beliau berkata, prospek untuk mencapai pertumbuhan dalam bidang automotif adalah cerah dan beliau menyeru pihak swasta memainkan peranan lebih penting dalam menjadikan industri itu satu kejayaan. -- Bernama.

♥16/07/14-15MST